

PROGRAM SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA ASRAMA ANAK - ANAK YATIM PERKIM ANJURAN WISMA PERWIRA DAN BAKAT KTU

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5006-program-sumbangan-kebajikan-kepada-asrama-anak-anak-yatim-perkim-anjuran-wisma-perwira-dan-bakat-ktu

ALOR SETAR, 22 Mei 19 - Kolej Tentera Udara dengan kerjasama YDP Wisma Perwira, Lt Kol Hamdan TUDM dan AJK Wisma Perwira KTU beserta Timbalan Pengurus BAKAT KTU, Pn Suhaila telah menjalankan program sumbangan kepada Asrama Anak-anak Yatim PERKIM, Alor Setar.

Dalam program tersebut, sumbangan yang disampaikan adalah berupa makanan kering, minyak masak, susu dan lain-lain bagi keperluan anak-anak yatim sempena bulan Ramadhan ini.

Pihak KTU juga mengusahakan kutipan sumbangan dengan mengumpulkan dana daripada Wisma Perwira dan Ahli-ahli BAKAT.

Sumbangan telah diserahkan kepada wakil Asrama Anak-anak Yatim PERKIM iaitu En Abdul Rahim bin Hashim, Setiausaha Kehormat PERKIM Bahagian Kedah Darul Aman.

